

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	4 OCTOBER 2016

# Tubuh jawatankuasa khas semak polisi sepanjang pemerintahan Tun M

UM - 4/10/2016

**KUALA LUMPUR 3 Okt.** - Kerajaan digesa menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi mengkaji semula segala dasar, polisi dan perjanjian oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad yang tidak mendatangkan manfaat kepada rakyat dan negara sepanjang 22 tahun pentadbirannya.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO, Datuk Sohaimi Shahadan berkata, semakan semula itu wajar dilakukan bagi memperbetulkan kesilapan mahupun kekurangan polisi tertentu supaya dapat memaksimumkan kebajikan rakyat.

Katanya, hal ini perlu disegerakan supaya isu berkaitan polisi ini tidak akan dijadikan senjata oleh pihak pembangkang dalam pilihan raya akan datang.

“Mungkin ada beberapa polisi

dan perjanjian yang perlu disemak kembali disebabkan mungkin ada kesilapan mahupun ketidaksamarataan, dari segi keuntungan kepada rakyat dan negara.

“Mungkin Tun Dr. Mahathir ada terlepas pandang mengenai sesuatu polisi, dan sekiranya didapati ia kurang menguntungkan rakyat dan kerajaan, maka polisi berkenaan perlu diperbetulkan kembali agar tidak terus menerus merugikan rakyat,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Tahunan Veteran UMNO Bahagian Bandar Tun Razak kali ke-3 di sini kelmarin.

Turut hadir dalam majlis berkenaan Pengerusi Veteran UMNO Bahagian Bandar Tun Razak, Datuk Mohd. Alias Ab-

dul dan Ketua UMNO Bahagian Bandar Tun Razak, Datuk Rizalman Mokhtar,

Sementara itu, Sohaimi turut menyatakan sokongan terhadap cadangan pelaksanaan Akta Sumbangan dan Perbelanjaan Politik bagi memastikan ketelusan dana politik dalam kalangan parti politik di negara ini.

“Dengan pelaksanaan cadangan akta ini, ia membolehkan sekurang-kurang kita mempunyai satu garis panduan yang perlu diikuti oleh semua parti politik bagi memastikan ketelusan dalam dana politik.

“Bagi saya, ia merupakan satu cadangan yang bernas dan UMNO bersifat terbuka dalam isu ini bagi membuktikan ketelusan pihak kerajaan,” jelasnya.